



SURAT ARAHAN SETIAUSAHA SURUHANJAYA PELANTIKAN
KEHAKIMAN
BIL. 2 TAHUN 2011

GARIS PANDUAN PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI-NEGERI UNTUK
HAKIM MAHKAMAH ATASAN

PENDAHULUAN

1. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan di dalam menguruskan pencalonan Hakim-hakim Mahkamah Atasan bagi pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Persekutuan dan Negeri-Negeri.

PELAKSANAAN

2. Berikutan dengan keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bil. 8 Tahun 2011 pada 11 Ogos 2011, semua pencalonan pengurniaan DKBP Persekutuan dan Negeri-Negeri bagi Hakim-hakim Mahkamah Atasan akan diuruskan oleh Pejabat Setiausaha, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Ia meliputi jawatan Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Hakim Besar Malaya, Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua Hakim Negara.

3. Sehubungan ini, Bahagian Pelantikan, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan urusan ini berdasarkan garis panduan seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUAT KUASA

4. Tarikh kuat kuasa pemakaian garis panduan ini adalah pada tarikh surat arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.


(HAMIDAH BINTI KHALID)

Rujukan: SPK. 100-2/2 (13)

Tarikh: 19 Ogos 2011

Semua Pegawai dan Kakitangan

**GARIS PANDUAN
PENGURNIAAN DARJAH
KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT
PERSEKUTUAN DAN
NEGERI-NEGERI UNTUK
HAKIM MAHKAMAH
ATASAN**
